

Headline	'Hadiah' terakhir Shamsul Bahari		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Jun 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	10
ArticleSize	345 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,643		



MUHAMMAD AZLI AB. RAHIM (belakang, kanan) menyampaikan replika kunci rumah kepada Rohana Yaacob yang ditemani beberapa orang anaknya dalam Majlis Kesyukuran Program Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad di Kampung Salor, Jeli, Kelantan, semalam.

'Hadiah' terakhir Shamsul Bahari

JELI 23 Jun - Tatkala menonton gelagat para petugas media sibuk di lokasi sesuatu nahas atau bencana di kaca televisyen, Nur Qalisya, 8, pasti teringatkan Allahyarham bapanya, Shamsul Bahari Mohamed, lalu mengaitkan rutin kerja sama pernah dilakukan lelaki itu suatu ketika dulu.

"Kalau abah masih ada, mesti abah pun sibuk buat liputan macam wartawan ini."

Demikian luahan si kecil, tanda ingatannya terhadap arwah Shamsul Bahari tidak pernah terhakis biarpun sudah sembilan bulan bekas wartawan sambilan akhbar *Kosmo!* itu pergi menghadap Ilahi.

Shamsul Bahari, 46, berkhidmat dengan Kumpulan Utusan Biro Kelantan menerusi akhbar *Kosmo!* sejak 2006 maut selepas terbabit dalam kemalangan di Kampung Gemang, September tahun lalu meninggalkan lima cahaya mata dan isteri, Rohana

Yaacob, 46.

Rohana memberitahu, setiap kali si bongsu mengaitkan arwah dengan para petugas media yang ditonton di televisyen, hatinya sebak namun sedaya upaya cuba menahan air mata agar tidak nampak lemah di hadapan anak-anak.

Selepas kematian suami, mereka sekeluarga hanya mengharapkan elaun sebanyak RM900 yang diterima Rohana sebagai ustazah Kelas Al-Quran dan Fadhu Ain (KAFA) di samping menjual nasi lemak di hadapan rumah mereka di Ayer Lanas bagi menampung perbelanjaan anak-anak yang masih bersekolah di tahun dua hingga tingkatan enam.

Mereka menumpang di sebuah rumah milik ibu bapa Allahyarham Shamsul Bahari di Ayer Lanas, di sini. Rumah kayu itu agak daif dengan dinding dan lantainya sudah mula mereput, berbumbungkan pula

kepingan zink yang ditirisi air setiap kali hujan turun.

Hari ini, hati ibu tunggal lima anak itu sedikit lega dan dia mampu tersenyum kerana impian untuk memiliki kediaman lebih selesa akhirnya tercapai apabila menerima bantuan rumah menerusi Projek Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Keluarga itu menerima kunci rumah baharu mereka bernilai RM50,000 yang disampaikan oleh Ketua (Perkhidmatan Pelanggan) Kelantan, Bahagian Runcit TNB, Muhammad Azli Ab. Rahim, di Kampung Salor, di sini.

Kata Rohana, rumah sumbangan TNB itu bukan sahaja amat bererti, malah dibaratkan seperti 'hadiah' terakhir suami buat dirinya dan anak-anak kerana Allahyarham membuat permohonan mendapatkan bantuan tersebut kira-kira sebulan sebelum nahas.